

Menteri Besar akan hantar surat kepada kerajaan Persekutuan haramkan sisa plastik

Selangor bantah import sampah

11/01/2019 M/S 03

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari memaklumkan kerajaan negeri akan menghantar surat kepada kerajaan Persekutuan meminta diharamkan kemasukan sisa plastik yang menjejaskan kualiti hidup rakyat di negeri ini.



ZURAIDA Menurut beliau, surat tersebut selaras dengan pendirian tegas kerajaan negeri yang tidak pernah membenarkan sebarang operasi kilang memproses sisa plastik kerana ia memberi kesan kepada alam sekitar.

"Kita akan hantar surat kepada kerajaan Persekutuan untuk tidak membenarkan lagi kemasukan sisa plastik sebab kemasukan barang-barang itu juga dalam bentuk pukal yang besar," kata beliau ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Festival al-Quran dan Kesenian Islam Antarabangsa Selangor di sini semalam.

Turut hadir pada majlis tersebut isteri Amirudin, Masdiana Muhammad.

Amirudin bagaimanapun enggan memberikan butiran terperinci berhubung notis yang bakal diserahkan kepada kerajaan Persekutuan itu.

Menteri Besar itu mengulas demikian mengenai cadangan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin yang mengumumkan kerajaan akan mengenakan levi sebanyak RM15 bagi setiap tan sisa plastik yang diimport menerusi lesen import (AP) yang dibuka semula pada 24 Oktober depan.

Mengulas lanjut, Amirudin memberitahu, kerajaan negeri memandang serius isu kilang sisa plastik haram yang beroperasi di sekitar Kuala Langat dan memberi jaminan akan menutup kilang-kilang haram tersebut.



AMIRUDIN (dua dari kiri) menerima cendera mata daripada Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latiff Mirasa (kanan) selepas merasmikan Festival al-Quran dan Kesenian Islam Antarabangsa Selangor di Shah Alam semalam.



LONGGOKAN sisa plastik di sebuah kilang haram yang beroperasi di Telok Panglima Garang, Kuala Langat baru-baru ini.

rasi di sekitar Kuala Langat dan memberi jaminan akan menutup kilang-kilang haram tersebut.

Katanya, kerajaan negeri yang ada sekarang tidak pernah mengeluarkan lesen untuk kilang-kilang memproses sisa plastik dan jika ada lagi kilang berlesen melakukan aktiviti tersebut ia mungkin diberi oleh

pentadbiran Selangor terdahulu.

"Kerajaan sekarang tidak pernah mengeluarkan lesen dan sekarang kita berusaha menutup satu persatu kilang-kilang yang didapati menyalahgunakan lesen dari kilang yang beroperasi secara haram.

"Sehingga kini melalui beberapa serbuan pihak berkuasa

INFO Kronologi kontroversi kilang proses plastik di Kuala Langat

23 Julai 2018 - Hampir 300,000 penduduk Kuala Langat, Selangor terutamanya di Telok Panglima Garang terdedah kepada risiko pelbagai jenis penyakit termasuk kanser apabila daerah tersebut dijadikan tempat longgokan plastik kitar semula dari serata dunia

24 Julai 2018 - Kerajaan mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) segera menghentikan operasi kilang memproses sisa plastik di Kuala Langat ekoran rungutan penduduk yang mendakwa mereka diancam masalah kesihatan akibat pencemaran alam sekitar kerana kilang proses sisa plastik

25 Julai 2018 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membatalkan lesen import (AP) sisa plastik yang dikeluarkan kepada 114 syarikat dan kilang di seluruh negara bagi tempoh tiga bulan berkuat kuasa 23 Julai lalu

2 Ogos 2018 - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menutup lapan buah kilang kitar semula plastik haram yang terletak di Banting, Jenjarom dan Teluk Panglima Garang serta menyita berjuta-juta tan timbunan sisa pepejal yang diimport dari seluruh dunia

26 September - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin mengumumkan kerajaan membenarkan semula pengimportan sisa plastik bermula 24 Oktober ini dengan peraturan baharu mengenakan levi RM15 bagi setiap tan sampah yang diimport ke negara ini

27 September - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan pihaknya telah membuka fail siasatan berhubung isu kilang memproses sisa plastik haram yang bermaharajalela di Kuala Langat sejak beberapa tahun lalu

Menteri tidak prihatin bahaya sisa plastik



KERATAN Kosmo! 26 September 2018.

tempatan, kita telah menutup banyak kilang haram dan penutupan kilang akan dibuat secara berperingkat," tegas beliau.

Kosmo! sebelum ini mendedahkan kebimbangan penduduk Kuala Langat apabila pihak berkuasa membiarkan 41 daripada 54 buah kilang sisa plastik di daerah itu beroperasi tanpa lesen. Kesan aktiviti memproses sisa plastik dalam tempoh kira-kira dua tahun itu menyebabkan kira-kira 300,000 penduduk di daerah berkenaan berdepan masalah kesihatan termasuk ber-

isiko menghidap kanser.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Datuk Alias Salim dilaporkan berkata, pihaknya telah membuka fail siasatan bagi menyiasat kemungkinan wujud unsur rasuah dalam isu berkenaan.

Alias berkata, fail berkenaan dibuka sejak dua bulan lepas iaitu sebaik sahaja akhbar *Kosmo!* melaporkan mengenai skandal tersebut pada Julai lalu.

Terdahulu, Festival al-Quran dan Kesenian Islam Antarabangsa Selangor yang sudah berlangsung empat hari sebelum berakhir semalam disertai lebih 100 pempamer dari seluruh tanah air yang bertujuan memartabatkan al-Quran selain mendekatkan rakyat dengan sirah dan peninggalan Nabi Muhammad S.A.W.

Antara acara pada festival itu ialah jualan al-Quran terbesar dan pameran kaligrafi, pesta makanan Islam antarabangsa, bicara selebriti, pameran seni bina dan hiasan dalaman antarabangsa dan pameran Rehlah Nahawiyah